

39 gula-gula ghost smoke dirampas di Pontian



Gula-gula ghost smoke yang dirampas daripada sebuah kedai runcit di Benut ketika operasi dijalankan PPDNHEP Pontian baru-baru ini.

PONTIAN - Sebanyak 39 unit gula-gula *ghost smoke* dirampas pemeriksaan dilakukan di Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Pontian di sebuah kedai runcit di Benut di sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, kedai runcit terbabit merupakan antara 25 premis yang diperiksa di daerah ini menerusi operasi yang dijalankan sejak Selasa lalu.

"Berdasarkan maklumat, gula-gula *ghost smoke* dijual kepada peruncit sekitar RM7.50 sekotak. Harga jualan kepada pelajar pula 50 sen seunit.

"Sumber bekalan gula-gula diperoleh peruncit terbabit sedang disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011," katanya dalam satu kenyataan semalam.